

## Allah dan Alam

Sebelum daripada adanya alam ini, apakah yang terdapat? Apa dia Allah dan apa dia alam?

### Jawapannya

1. Sebelum daripada adanya alam ini, tidak ada satu pun kecuali Allah sahaja yang ada kerana Allah adanya dengan tidak ada permulaan.
2. Allah ialah tuhan yang sebenar pencipta alam ini. Ialah tuhan yang maha berkuasa.
3. Alam adalah perkara yang dijadikan oleh Allah. Setelah sampai masanya yang ditentukan oleh Allah, barulah diciptakan makhluk.
4. Makhluk ini pula terdiri daripada bumi, bulan, bintang, matahari, 7 lapis langit, sidratulmuntaha, loh mahfuz, qalam syurga neraka, arash kursi, malaikat dan lain-lain.
5. Dibumi pula terdiri daripada bukit, sungai, laut, tanah rata, air, udara, tumbuh-tumbuhan, manusia, jin, binatang dan lain-lain lagi.
6. Manusia dan jin pula adalah makhluk yang diwajibkan dengan menyembah kepada Allah semasa hidup di dunia ini. Dan apabila sampai masanya dipindahkan pula kepada alam akhirat buat selama-lamanya dengan melalui alam barzakh. Padang Mahsyar, Syurga atau Neraka yang diberi balasan baik atau jahat. Dimasukkan ke dalam Syurga bagi mereka yang baik dan taat kepada Allah. Dan dimasukkan pula ke dalam Neraka bagi mereka yang jahat, ingkar dan bantah kepada Allah dan hidup selamanya di dalam Neraka itu.
7. Manakala malaikat pula dijadikan oleh Allah untuk menjalankan kerja-kerja yang disuruh oleh Allah bagi mengendalikan segala makhluk ini. Mereka menduduki

*lihat dibelakang*

seluruh alam ini dengan tugas mereka masing-masing buat selama-lamanya.

## **PERINGATAN**

Khususnya kita manusia diwajibkan taat kepada Allah dengan menyembahnya pada setiap masa dan ketika. Kita tidak boleh lalai sama sekali, nanti kita akan dimasukkan ke dalam Neraka. Dan jika kita taat, maka kita akan dimasukkan kita ke dalam Syurga buat selama-lamanya.

Oleh itu, rebutlah peluang ini sebelum kita tiba di akhirat nanti. Sekian sahajalah cerita ringkas mengenai Allah dan alam ini. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi, perlulah dipelajarinya dengan bersungguh-sungguh dari para ulama islam.

**WALLAHUALAM**